

BAHASA MELAYU, KELEBIHANNYA DAN KEKURANGANNYA

OLEH: ZA'BA

(VIII)

WAJIBNYA MEMPERKAJIKAN BAHASA MELAYU

(SIARAN PENUTUP)

“ . . . perkara yang terutama sekali hendak diingatkan dengan sebenar-benarnya di sini ialah: Kita sekalian orang Melayu dalam Tanah Melayu ini, sungguhpun kita mengaku dan orang lain pun masih banyak yang membenarkan lagi bahawa negeri Tanah Melayu (dan alam Melayu) ini negeri tanah air kita sendiri, tetapi haruslah juga pada akhir-akhirnya kelak kita akan beroleh nasib seperti yang telah terjadi kepada orang-orang Melayu “di negeri Cape” itu pula jikalau kita tidak berjaga-jaga dan berusaha memelihara bahasa kita dan segala apa yang dicogankan oleh bahasa itu kepada kita sebagai semangat kebudayaan kita dan pati pusaka dari nenek moyang kita dahulu kala.” Kata Tuan Za'ba menutup tulisannya ini yang telah disiarkan dalam “Qalam” bersambung-sambung selama delapan kali keluarannya. – P.Q.

Banyak daripada hikayat-hikayat lama Melayu itu telah ada disuntingkan oleh penyiasat-penyiasat Barat dalam bahasa Inggeris atau bahasa Belanda, setengahnya dengan diberi oleh mereka sedikit-sedikit keterangan yang ringkas menghuraikan makna perkataan yang susah-susah dan ganjil-ganjil. Tetapi jika tidak ada diberi keterangannya pun perkataan-perkataan itu biasanya boleh didapati di dalam kamus-kamus “Melayu – Inggeris” atau “Melayu – Belanda”. Maka di antara hikayat Melayu yang telah ada disuntingkan demikian itu oleh penyiasat-penyiasat Inggeris adalah umpamanya hikayat Hang Tuah, Hikayat Sejarah Melayu, Hikayat Abdullah, Kisah Pelayaran

Abdullah, Awang Sulung, Malim Deman, Malim Dewa, Hikayat Sang Kancil, Hikayat Pelanduk, Cerita Jenaka, Kitab Gemala Hikmat, Hikayat Bayan Budiman, Hikayat Misa Melayu, dan lain-lain lagi dalam “Susunan Persuratan Melayu” (*Malay Literature Series*); dan Hikayat Seri Rama, Hikayat Jaya Putra, Hikayat Raja-raja Pasai, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Jaya Langkara, kitab Bustan al-Salatin, Hikayat Tuhfat al-Nafis (Tawarikh Riau Johor dan Bugis), Hikayat Terung Pipit, Hikayat Saif Zi-Yazan, Hikayat Raja Daunan,

Hikayat Sejarah Melayu naskah yang tertua, bukan dalam “Susunan Persuratan Melayu” itu adapun yang telah disuntingkan oleh penyiasat-penyiasat Belanda pula adalah seperti Hikayat Pelanduk Jenaka, Hikayat Seri Rama, Syair Bidasari, Syair Ken Tumbuhan, Syair Yatim Nestapa, Pantun Melayu, Hikayat Kalila Damina, Hikayat Iskandar Zī al-Qarnayn dan beberapa yang lain. Sekalian ini serta beberapa banyak hikayat-hikayat dan syair-syair Melayu yang belum tersunting oleh pendeta-pendeta Barat pun, patut sangat dicari dan dikumpulkan jadi “Library” Melayu oleh anak-anak Melayu didikan Barat yang suka hendak menjinakkan diri kepada pengajian bahasa Melayu, Persuratan Melayu, dan lain-lain cawangan kebudayaan Melayu.

Pendeta-pendeta Barat yang telah menyiasat dan mengarangkan buku-buku di atas hal pengajian-pengajian Melayu ini telah berbuat banyak jasa dengan usaha dan kerja mereka itu, bukan sahaja mengenalkan bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu kepada orang-orang bangsa mereka dan kepada dunia tetapi juga membangkitkan pengajian ini daripada terbenamnya dan mengadakan perkakas yang boleh mengenalkan semula kepada anak-anak Melayu sendiri yang berpelajaran Barat. Bahkan boleh dikata dengan sebab usaha mereka telah mengumpul dan mengarangkan kitab-kitab dalam bahas inilah maka telah ada terwujud sekarang cawangan ilmu yang disebut “Pengajian-pengajian Melayu”. Jadinya apabila dipandang dari segi ini nampaklah dengan dengan nyatanya bahawa orang-orang Barat telah dihantar oleh Tuhan ke negeri-negeri Timur ini bukannya suatu kejadian yang sia-sia tetapi ialah sebagai suatu peristiwa yang termesti di dalam perjalanan tawarikh bagi menyempurnakan hikmah yang dimaksudkan Tuhan daripada-Nya – iaitu supaya membangkit dan menjagakan kita dengan usaha dan kerja-kerja yang telah mereka buat itu, supaya kita sedar akan kekurangan kita dna akan pusaka yang telah ditinggalkan kepada kita oleh nenek moyang kita dahulu kala pada perkara bahasa seperti pada perkara lain-lain juga. Yang demikian samalah seperti

kedatangan orang-orang Arab memerintah selatan Eropah. Seribu tahun dahulu telah memberi beberapa kebajikan yang seni pula kepada orang-orang Eropah. Pendeknya tiap-tiap hal yang dilakukan Tuhan itu, walau peperangan yang sehabis dahsyat sekalipun, ada faedahnya dan tujuannya yang baik bagi menjayakan pelan kemajuan alam. Maka peluang yang telah diberi Tuhan kepada anak-anak Melayu sekarang pada segala perkaranya sayugialah digunakan dengan betul.

Pada masa yang telah lalu kerja memperkajikan bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu atas jalan siasatan ilmu yang betul sentiasa telah tertinggal dalam tangan penyiasat-penyiasat dan ahli-ahli ilmu dari Barat, iaitu orang belanda dan orang Inggeris. Maka sekarang ini patutlah sampai masanya orang Indonesia dan orang Melayu sendiri mengambil kerja itu pula dan menyambungnyanya. Pertama-tama sayogialah diperiksa semula segala penyiasatan yang telah dibuat oleh orang-orang barat itu, dibaiki dan dibetulkan mana-mana tentang yang tersilap dan boleh dibaiki; kemudian disambung dan diteruskan siasatan, lebih jauh lagi, serta dihidangkan segala pendapatan daripadanya itu samada dalam bahasa Barat itu juga atau yang terlabih baiknya dalam bahasa Melayu pula iaitu bahasa sendiri. Kerja yang demikian ini telah dibuat dalam medan pengajian bahasa-bahasa India dan kebudayaannya (Sanskrit, Prakrit, Hindustani, Tamil, Pali) oleh beberapa banyak ahli ilmu bangsa India dan pendeta-pendeta mereka di sekolah-sekolah tinggi negeri India. Maka di Malaya dan Indonesia begitulah juga yang dikehendaki dalam medan pengajian bahasa Melayu dan kebudayaan pula.

Sementara itu kita berkehendakkan juga kepada pendeta-pendeta dan penyiasat-penyiasat Barat, seberapa orang yang ada antara ahli ilmu mereka tingkat yang muda-muda sekarang lelaki dan perempuan, yang akan boleh menyambung dan meneruskan lagi pusaka penyiasatan Barat pada medan pengajian bahasa

sambungan pada muka 23

sambungan dari muka 18

Melayu dan kebudayaan Melayu dari had yang telah disampaikan oleh Tuan Wilkinson dan Sir Richard Winstedt sekarang umpamanya pada pihak Inggeris semenjak zaman Marsden dan Micksoil dan lainnya dahulu; dan oleh Van Wijk, Tendeloo, Van der Tuuk, Klinkert, Professor Van Ronkel, Van Ophuijsen, Spat dan lainnya pula pada pihak Belanda. Macam mana pun kamus besar Melayu – Inggeris karangan Wilkinson sungguhpun tiada syak lagi cukup besar dan telah jadi kenangan-kenangan yang kekal kepada usahaya, tetapi nyatalah masih kekurangan juga, bahkan sangat berhajat dibaharui, dibaiki apa-apa silapnya, ditambah dan diluaskan lagi pada beberapa banyak tempat supaya membawa akan dia bersaing dengan masa kita ini dan apat meliputi segala tambahan-tambahan baharu yang telah terbit dalam bahasa Melayu hingga sekarang.

Sepatah Kata Peringatan

Kepada orang Melayu Tanah Melayu biarlah kita katakan di sini bahawa bahasa kita ini sebagaimana lain-lain bahasa yang segar dan hidup juga, boleh jadi bahasa rasmi dalam pemerintahan dan jadi wasitah mengajarkan pelajaran-pelajaran universiti pada akhirnya, dengan syarat diberi akan dia peluang membuat kerja itu dan dibela pelihara kesuburannya seberapa cermat dengan jalan digalakkan tumbuhnya, dipupuk, dibaja, ditambah apa-apa yang kekurangan, dan ditempatkan perkataan-perkataan baharu yang munasabah. Maka walau apa pun dikatakan orang berlawanan dengan fikiran ini tetapi tetaplah juga dengan tiada syak sekali-kali bahawa jika tidak diberi akan dia peluang melayakkan dirinya bagi kerja itu nescaya tidaklah ia akan tumbuh menjadi penuh besar dan layak mengerjakannya sampai bila pun.

Seorang pendeta dan penyiasat hal-ehwal tawarikh dan pusaka lama orang Melayu yang didapati beberapa ramainya

di negeri “Jajahan Cape” dalam Afrika Selatan sekarang iaitu Dr. Du Plessis yang bekerja di universiti Cape Town, telah menerangkan dalam dua tiga buah buku yang dikeluarkannya semenjak beberapa tahun yang baharu ini beberapa perkara yang menyedihkan hati dari hal perubahan yang telah terjadi kepada orang Melayu di negeri Cape itu, dalam pendahuluannya kepada bukunya yang bernama “*Tales from the Malay Quarter*” (terbit dalam tahun 1646) iaitu suatu kumpulan cerita-cerita dongeng dan penglipur lara orang Melayu di Afrika Selatan, setelah ia membayangkan dari hal adat hari raya “Daun Limau” mereka, adat nikah kahwin mereka, adat tari padang mereka (pertunjukan dabus dan silat), bagaimana mereka berjikir dan berarak dari senjakala hingga dinihari kerana memberi selamat jalan kepada tahun lama dan menyambut selamat datang kepada tahun baharu tiap-tiap tahun, dan peri hal masjid-masjid mereka serta menara-menaranya yang kelihatan di sana-sini dengan tak disangka-sangka, peri hal nyanyi-nyanyi dan cerita-cerita dongeng mereka dan lain-lain – ia berkata:

“Mereka itu ialah suatu kumpulan kaum yang kukuh berpegang kepada adat lama mereka dan pusaka-pusaka kebangsaan mereka yang telah turun-temurun daripada nenek moyang dahulu kala. Mereka payah menerima perubahan tetapi tidaklah dapat dielakkan perkara yang mesti terjadi daripada kedudukan mereka itu – iaitu persentuhan mereka yang sudah lebih daripada 300 tahun dengan orang Eropah di negeri Cape itu, pada hal mereka hampir-hampir terasing dan terputus langsung daripada negeri tanah air mereka yang asal, adalah telah membawa mereka kehilangan banyak daripada adat resam yang telah mereka bawa bersama-sama masa mereka mula-mula datang dahulu dan telah menarik mereka meniru banyak pula perkara-perkara yang baharu. Bahasa mereka dan pakaian mereka telah berubah di bawah himpitan pengaruh Eropah, sehingga keduanya bahasa dan pakaian mereka yang asal telah hampir-hampir hilang langsung pada



Guru-guru lepasan Kolej Corby bergambar dengan Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu


Sir Donald McGillavry selepas latihan civic course di Seremban.

kira-kira pertengahan kurun masihi yang kesembilan belas dahulu lagi (kira-kira 1850). Nyanyian-nyanyian mereka sendiri telah digantikan oleh nyanyian-nyanyian negeri Holand, sungguh pun ada juga sedikit sebanyak termasuk bekas-bekas dari Timur itu lagi; cerita-cerita dari “Hikayat Seribu Satu Malam” bercampur-gaul dan bermasuk-masukan dengan cerita-cerita ajaib dan riwayat-riwayat dongeng dari Eropah dan Afrika telah mengambil rupa dan sifat yang baharu, lalu menjadi cerita-cerita pusaka ramai di seluruh negeri Cape”.

Maka yang sedemikian ini juga, dengan perubahan-perubahan dan perbezaan-perbezaan yang munasabah dengan hal dan tempatnya, haruslah telah terjadi dan sedang terjadi lagi kepada orang-orang anggota bangsa kita di Pulau Ceylon iaitu mereka yang biasa dikenal dengan nama “Melayu Ceylon” itu. Barangkali juga suatu siasatan ke dalam bahas usul asal mereka dan tawarikh mereka, adat pusaka mereka, hal-hal keadaan

mereka hari ini, cerita-cerita lama mereka, kepercayaan mereka dan “ilmu-ilmu tersirat” mereka (bukan ilmu tersurat) telah pula diperbuat dan diusahakan oleh ahli-ahli penyiasat di Ceylon seperti yang telah diperbuat oleh Dr. Du Plessis di Afrika Selatan ini.

Tetapi adalah perkara yang terutama sekali hendak diingatkan dengan seberat-beratnya di sini ialah: Kita sekalian orang Melayu dalam Tanah Melayu ini pun, sungguh pun kita mengaku dan orang lain pun masih banyak yang membenarkan lagi bahawa negeri Tanah Melayu (dan alam Melayu) ini negeri tanah air kita sendiri, tetapi haruslah juga pada akhir-akhirnya kelak kita akan beroleh nasib seperti yang telah terjadi kepada orang-orang Melayu “di negeri Cape” itu pula jikalau kita tidak berjaga-jaga dan berusaha memelihara bahasa kita dan segala apa yang dicogankan oleh bahasa itu kepada kita sebagai semangat kebudayaan kita dan pati pusaka dari nenek moyang kita dahulu kala.



Hari Perayaan Tentera Indonesia yang telah berlangsung pada bulan Oktober yang lalu. Gambar menunjukkan President Sukarno sedang menerima kehormatan.

Sambungan dari muka 16

yang tidak sopan dan mulut yang bacar mereka itu keluaran kepada Nabi kita “Apakah Tuhan tak dapat orang lain diutus sebagai Nabi selain daripada engkau Muhammad?” begitulah ringkasnya terdengar ejekan dan penghinaan yang dihalakan kepada Nabi kita. Sanya si ‘Abdu Jalīl serta saudara-saudaranya dan keluarga-keluarga al-Thaqāfī tadi tak cukup dengan kejian-kejian yang dihadapkan kepada Nabi Muhammad seperti di atas, diacumnya pula sekalian mereka yang rendah budi dan kanak-kanak mengganggu Nabi dan melemparnya dengan batu, akhirnya Nabi pun melindungi dirinya di pekarangan rumah ‘Utbah anak Rabī‘ah iaitu di bawah sebatang kayu sambil menengadahkan ke langit mengadukan halnya ke hadrat Illahi: Di Mekah jadi sasaran Quraisyh, di Ṭā’if menjadi sasaran Thaqīf.

Tuan kebun yang tersebut orang yang budiman rupanya sedang melihat kemalangan Nabi itu, lalu terus disuruh hambanya (‘Adas Kristian) memetik anggur supaya dibagikan kepada Nabi

untuk melepaskan dahaga. Nabi juga tidak keberatan menyambut pemberian itu, dengan syukur ke hadrat Allah dan menerima kasih lalu dimakannya. Dari masa itu dengan tiada lengah lagi Nabi pun pulang ke Mekkah dengan dukacita dan pilunya.

Kejadian di atas ialah tahun sebelum hijrah. Orang-orang yang memerhati tarikh, pendeta-pendeta yang mengerti ilmu jiwa Nabi itu ada satu daripada sifat yang tersangat mulia dinamakan “*‘Ulūl ‘Azmi*”. Sungguhpun sepuluh tahun dahulu ia tewas, tetapi kemudiannya ia berjaya, kerana pada tahun hijrah yang kedelapan suatu angkatan perang telah tiba ke Ṭā’if. Pada permulaan peperangan itu. Orang-orang Ṭā’if bertahan dengan melawan di benteng-benteng dan di kubu-kubu mereka. Sekali-kali tak mahu tunduk dan tak mahu kalah kepada ajakan Nabi, akan tetapi akhirnya tiada lain jalan melainkan mereka membuat permohonan supaya dapat perlindungan dan diluluskan mereka masuk Islam – agama Allah. Hingga ketua-ketua Ṭā’if dan Thaqīf sama-sama mengirimi utusan kepada Nabi menyatakan keIslaman mereka serta berharap supaya Nabi membenarkan sahabat-sahabat datang ke sana

mengajar mereka perkara agama – sekianlah adanya erti “sabar” yang setepat-tepatnya bukan secara lain yang meruntuk kita selama ini menjadi lemah, menjadi hina yang sudah tersundut-sundut.

Di dalam kita mencari kemuliaan, kita tak boleh cuai dan lalai daripada meneladani sifat-sifat Nabi kita yang tiada tolok bandingnya yang diimani sepanjang hidup ini di dalam masa kita menuju segala pintu kemajuan.

Di dalam Quran ada diterangkan berkenaan sifat sabar: *Wa ja ‘alnā minhum a ‘immatan yahdūna bi amrinā lammā šabarū*, (al-Sajadah 24). *Wa lanajziyanna alladhīna šabarū ajrahum bi aḥsani mā kānū ya ‘lamūna* (al-Naḥl 96). *Innamā yūwaffā al-šābirūna ajrahum bighayri ḥisāb* (al-Zumar 10). *Wasta ‘nū bi al-sabr wa al-ṣalāh wa innahā lakabīratun illā ‘alā al-khāshi ‘īn* (al-Baqarah 45). Ertinya dalam bahasa Melayu ayat-ayat yang di atas (1) Dan Kami telah jadikan antara mereka itu ketua-ketua yang memimpin dengan perintah Kami tatkala mereka sabar. (2) Sesungguhnya Kami akan beri kepada orang

yang sabar itu pahala mereka lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan (3) Sesungguhnya orang yang sabar itu akan disempurnakan pahala mereka dengan tak terperminai. (4) Pinta tolonglah kamu dengan sabar dan sembahyang sesungguhnya kedua itu amat berat (sukar) kecuali atas orang yang khushu’.

Dengan mengambil sempena pergerakan perjalanan Nabi di atas serta memahami empat ayat-ayat Quran yang baharu lalu itu terserlahlah erti sabar, erti sabar itu iaitu tahan menanggung akan kesusahan atau suatu yang dibenci oleh nafsu, menahan diri daripada menjalankan hal yang berat-berat dan payah-payah, bekerja dengan tetap di dalam suatu pendirian atau dengan ringkasnya tiada lain erti sabar itu ialah tekun, tulus, cekap, pual mengadap suatu kerja – buat seorang juragan masakan tiba ke pelabuhan maksudnya. Lamun hatinya gentar melihat kumpulan gelombang di lautan teduh padahal lautan dan laut itu sememangnya demikian tabiatnya telah dijadikan Tuhan.

SURAT AKUAN



Alhamdulillah wa al-shukru lillāhi rabb al- ‘ālamīn. Maka dengan izin Allah Subḥānahu wa Ta ‘ālā, saya telah berubat pada Tabib H.G. Mustaffā, Punjab Medical Hall, 280 Victoria Street, Singapura. Di dalam

10 hari telah gugur penyakit buasir yang telah saya hidapi selama 7 tahun dengan tidak payah potong atau dibius. Hanya disapu dan dimakan ubatnya saja dan saya mengucapkan beribu-ribu terima kasih kepadanya. Serta saya harap pada ikhwan al-Muslimiīn yang ada mempunyai sakit buasir hendaklah bersegera berubat kepadanya Inshā Allāh Ta ‘ālā akan baik segera.

Adalah saya, Ḥāji Aḥmad bin Ḥāji Sīrāj
Imam Masjid Wak Tanjung Paya Lebar. Singapura 14.
Boleh mengubati sebarang penyakit mata 12.8.54

Tabib H.G. Mustaffā
Punjab Medical Hall,
280, Victoria Street, Singapore 7.

Dunia sekarang dunia perlumbaan, dunia berebut-rebut segala-galanya jika kita undur setapak bermakna orang lain menang setapak. Tak patut demikian “Kita dan orang sama-sama keluar dari satu *factory* bahkan kita tinggal pun di bawah matahari yang satu” jadi dengan itu kita tak boleh berputus asa. Di sisi sabar itu hendaklah disertai dengan tukul, segala perbandingan sabar dengan tukul itu laksana perbandingan api dengan panas sekali-kali tak boleh bercerai. Tak usahlah difahamkan tukul itu dengan pengertian yang salah dan malas.